Source: *Berita Harian,* Front Page & p14
Date: 25 June 2015



Foto KHALID BABA

Belia Lengkok Bahru papar kehidupan di flat sewa

SEMBILAN belia akan membolehkan masyarakat menjenguk kehidupan mereka membesar di flat sewa di Lengkok Bahru menerusi satu pameran di bawah sebuah projek yang bertujuan memperkasa belia penghuni flat sewa.

Pameran sebulan mulai 2 Julai berserta satu seminar itu bertajuk KLB Presents: ***Just Talk Lah!*** dan diadakan di Artistry Cafe di Jalan Pinang.

Ia dianjurkan sekumpulan siswazah sosiologi dan reka bentuk perusahaan Universiti Nasional Singapura (NUS).

Matlamat kumpulan yang menggelar diri mereka Kopitiam Lengkok Bahru (KLB) itu ialah memperkasa belia yang tinggal di flat sewa dengan kemahiran baru – fotografi dan penceritaan.

Para belia itu mengikuti bengkel fotografi dan berinteraksi dengan seorang penari balet dan penggiat teater dalam menyiapkan pameran tersebut.

"Pameran ini memberi belia yang tinggal di flat sewa peluang menceritakan kehidupan mereka pada masyarakat yang mungkin kurang tahu tentang kawasan lain di Singapura.

"Ini sekali gus membantu mereka membina yakin diri berdepan dengan masyarakat," kata seorang anggota KLB, Encik Shamil Zainuddin.

Laporan lanjut di muka 14

Source: Berita Harian © Singapore Press Holdings Ltd. Permission required for reproduction.

Source: *Berita Harian,* Front Page & p14
Date: 25 June 2015

Membesar di Lengkok Bahru

▶**NURMAYA ALIAS**
nurmayaa@sph.com.sg

BELIA yang membesar di kawasan perumahan flat sewa sering disalah anggap kerana dikaitkan dengan pelbagai gejala sosial.

Tetapi sejauh manakah ini benar?

Apakah kehidupan di flat sewa berbeza daripada flat HDB biasa?

Sembilan belia yang membesar di flat sewa HDB di kawasan Lengkok Bahru berusaha mengubah tanggapan itu bukan menerusi kata-kata tetapi fotografi yang mempunyai nilai cerita.

Para belia itu terlibat dalam projek 'Kopitiam Lengkok Bahru (KLB)' anjuran sekumpulan siswazah daripada Universiti Nasional Singapura (NUS) dengan latar belakang dalam jurusan sosiologi atau reka bentuk perusahaan.

Projek yang bermula pada Jun tahun lalu itu membolehkan sembilan belia itu mempelajari kemahiran fotografi dengan menggunakan kamera analog atau kamera filem.

Dalam proses mempelajari kemahiran baru, para belia juga dibimbing tentang penceritaan yang boleh kongsi tentang cara kehidupan mereka di kawasan rumah sewa.

Gambar petikan mereka kemudian dipaparkan dalam satu pameran gambar bertajuk *In The Interim* pada 30 dan 31 Mei lalu di *ScapeMedia Hub.

Ia dibahagikan kepada tiga tema – Perumahan, Strategi dan Aspirasi.

Projek tersebut dijayakan dengan sokongan pertubuhan khidmat sosial Beyond Social Services, kumpulan kolektif seni Project 50/100 dan *Scape.

Pameran gambar kedua berserta seminar, *KLB Presents: Just Talk Lah!*, akan diadakan selama sebulan mulai 2 Julai di Artistry Cafe (Jalan Pinang).

Salah seorang anggota kumpulan, Encik Shamil Zainuddin, 31 tahun, seorang pereka bentuk etnografi, menjelaskan bahawa idea bagi projek *In The Interim* tercetus setelah salah seorang teman mereka, Encik Muhammad Nadim Adam, mula merakamkan gambar di persekitaran rumah sewa.



TEMAN SEKAMPUNG: Sembilan belia telah merakamkan kehidupan mereka membesar di flat sewa Lengkok Bahru menerusi satu pameran gambar anjuran kumpulan Kopitiam Lengkok Bahru. Antara belia itu ialah *(baris belakang dari kiri)* Nur Munira Mohamed Salim; Fatin Athira Mohamed Salim; anggota Kopitiam Lengkok Bahru, Encik Shamil Zainuddin dan Encik Mohammad Khamsya Khidzer; dan Mohammad Rumizan. *(Barisan depan dari kiri)* Arash Mohd Yasin, Muhammad Asnur dan Muhammad Danny Azrin. – Foto KHALID BABA

Namun, teman mereka didapati menghidapi barah dan meninggal dunia bulan lalu.

Kumpulan KLB mahu meneruskan usaha itu dan mengambil keputusan bekerjasama dengan belia yang tinggal di kawasan rumah sewa.

"Kami mahu belia yang tinggal di kawasan sebegitu menceritakan sendiri pengalaman mereka membesar di kawasan rumah sewa. Jadi, kami fikir, kami berikan mereka kamera dan biar mereka ambil gambar," kata Encik Shamil semasa ditemui di Balai Rakyat Lengkok Bahru.

Seorang lagi anggota kumpulan itu ialah Encik Mohammad Khamsya Khidzer, 29 tahun, seorang pengkaji di NUS.

Bagi menjayakan projek tersebut, sembilan belia itu mengikuti bengkel fotografi anjuran syarikat Nikon selama lima minggu.

Mereka kemudian bebas mengambil gambar menggunakan kamera analog terpakai.

Hasilnya ialah pelbagai gambar yang memaparkan pengalaman atau subjek penting dalam hidup mereka.

"Walaupun ada gambar 'over exposed' (terdedah dengan lebihan cahaya), ia menunjukkan sikap ingin tahu para belia," kata Encik Shamil.

Kehidupan di Lengkok Bahru

Semasa *Gah!* menemui tujuh daripada sembilan belia itu di Balai Rakyat Lengkok Bahru, mereka berkata mereka rasa jakun menggunakan kamera filem sebab sudah biasa mengambil gambar menggunakan telefon bijak.

Belia itu semuanya pelajar – Mohammad Rumizan, 18 tahun; Arash Mohd Yasin, 17 tahun; Fatin Athira Mohamed Salim, 17 tahun; Nur Munira Mohamed Salim, 16 tahun; Muhammad Danny Azrin, 15 tahun; Muhammad Asnur, 15 tahun; dan Muhammad Nuh Al-Fathani B.A.S, 14 tahun.



SENJA: Pelajar Muhammad Asnur cuba merakamkan pemandangan matahari terbenam dari kawasan perumahan Lengkok Bahru.

"Saya tahu ramai orang fikir Lengkok Bahru 'tidak bernyawa'. Kami mahu membuktikan mereka salah. Lengkok Bahru sebenarnya mempunyai suasana kampung," kata Muhammad Asnur yang berpindah ke kawasan itu tiga tahun lalu. Beliau cuba mengambil gambar matahari terbenam di kawasan perumahannya.

Gambar belia bermain bola sepak di gelanggang bola sepak jalanan, gambar bola sepak dan gambar kucing kejiranan yang malangnya telah mati dipaparkan dalam gambar petikan belia itu.



SEKILAS KEHIDUPAN HARIAN: Gambar seorang wanita generasi perintis merupakan antara gambar yang akan dipamerkan di pameran berserta seminar 'KLB Presents: Just Talk Lah!' selama sebulan mulai 2 Julai di kafe Artistry Cafe. – Foto-foto KOPITIAM LENGKOK BAHRU



SI TOMPOK: Salah seorang belia, Muhammad Nuh Al-Fathani B.A.S, telah mengambil gambar seekor kucing yang sering kelihatan di kawasan flat sewa Lengkok Bahru.

Mohammad Rumizan, yang membesar di kawasan Lengkok Bahru selama 11 tahun, berkata dia telah melihat ramai kawannya datang dan pergi tetapi permainan bola sepak selalu menyatukan mereka, tidak kira usia.

"Kami telah menyertai beberapa pertandingan bola sepak jalanan atau futsal. Kalah atau menang, ia hanya satu permainan dan kami seronok bermain bola sepak bersama-sama," kata Mohammad Rumizan yang juga memetik gambar kucing kejiranan.

Arash, yang tinggal di kawasan itu selama 11 tahun dan memetik gambar sebiji bola sepak, berkongsi pendapat bahawa mereka tetap kawan walaupun kadangkala berselisih faham semasa bermain bola sepak.

Muhammad Danny pula ingin menyatakan bahawa keluarga penting dalam hidupnya menerusi gambar anggota keluarga yang dia petik di dalam rumah, di samping gambar sepasang but bola sepak.

Bagi adik-beradik Fatin Athira dan Nur Munira, mereka seronok dapat berkongsi tentang kehidupan harian mereka melalui gambar.

Selain bermain bola sepak, anak muda di situ juga gemar memetik gitar di kolong blok.

"Kami berharap pameran gambar itu boleh mencetus interaksi dan komunikasi di kalangan setiap lapisan masyarakat dan memberi sembilan belia itu peluang menunjukkan bahawa kehidupan mereka tidak banyak beza daripada masyarakat lain," kata Encik Mohammad Khamsya.

▶ *Pameran gambar dan seminar KLB Presents: Just Talk Lah! akan diadakan pada 2-27 Julai di kafe Artistry Cafe (Jalan Pinang).*

Source: Berita Harian © Singapore Press Holdings Ltd. Permission required for reproduction.